

16 NOVEMBER, 2018

Kepada semua Pengarang Berita

KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) memandang serius dan bimbang akan keadaan semasa syarikat Utusan Melayu (M) Bhd yang penuh bersejarah ini.

Oleh itu, bagi memastikan survival akhbar Utusan, ahli kami bersedia berubah dan mendukung prinsip kewartawanan sebagai salah satu institusi semak dan imbang sesebuah negara, kerajaan dan masyarakat semata-mata demi kelangsungan akhbar orang Melayu, Bumiputera dan Malaysia.

Jika sebelum ini Penolong Ketua Pengarang 1 Kumpulan Utusan Melayu Berhad (Utusan Malaysia) Datuk Zaini Hassan sendiri mengakui jabatan pengarang sudah buat silap selama ini, sebagai manusia kita perlu memaafkan serta meneruskan perjuangan ke arah yang lebih baik.

Pihak Kesatuan menyambut baik pengakuan Datuk Zaini dan berharap Jabatan Pengarang Utusan dapat berubah ke arah yang lebih profesional kerana sebagai sebuah akhbar ia harus berkecuali walaupun ia dimiliki sebuah parti politik.

Utusan perlu berubah daripada terus menjadi mata telinga parti kepada bukan sahaja suara bangsa tetapi masyarakat Bumiputra dan rakyat jelata serta Malaysia.

Utusan mesti mendokong kembali asas kewartawanan yang diperjuangkan sejak awal-awal kelahirannya pada 1938. Utusan bukan sahaja perlu berani tetapi lantang mengkritik pemiliknya dan kerajaan sekarang serta mengambil kesempatan atas kebebasan media yang diamalkan ketika ini. Kritiklah apa sahaja demi membina Bangsa dan Negara yang lebih gemilang.

Selain bimbang dengan hala tuju akhbar ini yang masih kabur, misteri dan mencurigakan, kesatuan juga bimbang akan perkembangan keadaan syarikat dari segi pemilikan sahamnya yang dilihat masih terumbang ambing.

Kesatuan ingin menyuarakan sekiranya pemilikan sesebuah parti politik dapat dikurangkan kepada 10 peratus sahaja dan tindakan ini dapat menaikkan pendapatan syarikat serta menarik semula minat rakyat kembali membaca Utusan, kami menyambut baik.


Maka jika UMNO sayangkan Utusan dan mahu Utusan maju jaya, UMNO perlu melepaskan 39 daripada 49 peratus pegangan sahamnya (hanya memegang 10 peratus) dan seterusnya membenarkan orang Melayu dan Bumiputra mengambil alih sahamnya.

Selain itu, pihak kesatuan juga bimbang Utusan Melayu (M) Bhd. yang memiliki nilai aset RM400 juta hanya mahu dimiliki dan diambil kesempatan oleh individu berkepentingan dan bukan kerana peranan perjuangannya.

Dalam keadaan sekarang dipercayai sudah ada langkah-langkah dilakukan oleh pihak berkepentingan secara Individu untuk mengambil alihnya. Ia membimbangkan kerana dalam keadaan sekarang pun UMNO memegang Utusan, akhbar Utusan ditolak rakyat. Bayangkan jika Individu yang hanya mahu mengambil kesempatan menyapu aset yang ada kemudian mengaut keuntungan untuk diri sendiri ini memegang Utusan.

Ini tidak termasuk penubuhan beberapa anak syarikat baharu yang tidak tahu sama ada keuntungannya menyumbang kepada syarikat atau masuk ke dalam kocek individu atau kroni mereka.

Amaran yang diberikan Datuk Zaini bahawa institusi Melayu ini akan hancur jika ia tidak berubah sangat membimbangkan pihak Kesatuan. Gesaan Datuk Zaini agar Utusan memikirkan kepentingan orang Melayu, termasuk menyeru mereka "bertaut di dahan yang mantap dan bukan di ranting rapuh yang sedang dimamah anai-anai" sangat signifikan dengan keadaan semasa politik negara.



CHIN SUNG CHEW

Setiausaha Agung NUJ Malaysia